

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**
TARIKH : **18.6.2014**
SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan berfikir aras tinggi dan bagaimana ianya dapat menangani masalah pelajar yang terlibat dengan salah-laku disiplin di masa bersekolah dan setelah tamat persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta. Jika seseorang murid berkemampuan berfikir aras tinggi masalah disiplin dapat di atasi. Murid akan membuat pertimbangan sebelum sesuatu keputusan dan mampu untuk bertindak dengan lebih rasional.

Rjm120